

10 APR 1997

Mahathir-Exco

BPR PERLU SIASAT UNTUK PASTIKAN DAKWAAN TERHADAP ANGGOTA EXCO

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Badan Pencegah Rasuah (BPR) perlu menyasiat untuk menentukan kesahihan pelbagai dakwaan termasuk rasuah membabitkan lapan anggota Exco kerajaan negeri.

"Ini biasa sahaja, kalau ada 'suspicion' (syak) mereka terlibat dengan 'corruption' (rasuah) maka BPR mestilah menjalankan tugas untuk menyelidik sama ada ia mempunyai asas ataupun tidak," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah sejurus setelah pulang dari lawatan ke Kuwait, Bahrain dan Pakistan.

Beliau diminta mengulas laporan muka depan akhbar-akhbar tempatan hari ini mengenai siasatan BPR terhadap anggota-anggota Exco berkenaan yang membabitkan pelbagai dakwaan termasuk rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Ketika menjawab satu lagi soalan, Dr Mahathir berkata BPR juga perlu menentukan laporan yang mengaitkan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib dengan pemilikan harta di Australia.

"Kalau ada laporan macam itu, kita perlu tentukan sama ada ia ada asas atau tidak," katanya.

"Saya tak tahu apa mengenai perkara ini, kena tunggulah BPR. Saya tidak mahu mempengaruhi BPR, terpulang kepada BPR untuk menyasiat," kata Dr Mahathir dalam persidangan berita itu yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Isnin lepas, Anwar memberitahu persidangan Dewan Rakyat bahawa Muhammad sedang disiasat oleh BPR berhubung kegagalannya mengisytiharkan wang bernilai RM2.4 juta di Australia dan kes-kes lain.

Menurut Anwar, BPR juga akan menyasiat laporan berhubung pemilikan harta oleh Muhammad di Australia yang disiarkan dalam akhbar The Brisbane Courier Mail baru-baru ini.

Ditanya sama ada Ketua Pengarah BPR perlu diberikan kuasa meneruskan pendakwaan bagi kes-kes rasuah dan tidak diputuskan oleh Peguam Negara, Perdana Menteri berkata adalah lebih baik Peguam Negara meneliti kes-kes berkenaan.

"Saya tak tahu dia punya perkara muktamadnya, tapi biasanya kalau ada kes kena serah kepada Peguam Negara (AG), kalau tidak ia mungkin salah dari segi undang-undang...jadi adalah lebih baik bagi AG meneliti kes itu untuk memastikan ia betul dari segi undang-undang," katanya.

Mengenai cadangan Malaysia untuk mengambil-alih sebahagian kepentingan dalam syarikat pembuat pesawat Belanda, N.V.Fokker yang muflis, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak akan meneruskan langkah itu jika tidak dibenarkan meneliti kedudukan syarikat berkenaan.

"Kalau kita tak dapat buat penelitian sewajarnya kita tak akan beli...takkan nak beli, bukannya 10 sen atau seringggit, ini berjuta-juta ringgit.

"Kena jagalah... duit negara kita tak boleh urus macam itu," katanya.

Semalam Anwar menyatakan bahawa minat Malaysia bagi menyelamatkan syarikat itu kian pudar berikutan tidak dibenarkan membuat penelitian menyeluruh terhadap pelbagai aspek kewangan dan audit bagi akaun Fokker. --

BERNAMA

AZZ NMO RON